

Ceupacs sambut baik pandangan Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat — Presiden Ceupacs, Encik Ahmad Nor berkata hari ini adalah wajar kerajaan berwaspada sebelum melaksanakan konsep Persejarikatan Malaysia dan dasar pengswastian kerana masalah-masalah jangka panjang yang mungkin dihadapi kelak.

Sambil menyambut baik kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Tokyo semalam yang menyebut bahawa kerajaan masih perlu berwaspada sebelum melaksanakan konsep-konsep itu, Encik Ahmad berkata kerajaan perlu berbincang dengan pihak pekerja sebelum melaksanakannya.

Perdana Menteri berkata kerajaan perlu berwaspada dalam melaksanakan kedua-dua konsep itu supaya tidak menimbulkan ketegangan antara kaum dan juga memandangkan penyusunan semula ekonomi Malaysia belum lagi selesai.

Encik Ahmad berkata jika perbincangan tidak diadakan, beberapa masalah mungkin akan dihadapi oleh rakyat, khususnya Bumiputera, yang masih belum berupaya menerima serta menyahut dasar-dasar itu.

Oleh itu, katanya, kerajaan perlu memandang berat dari segi jangka panjang terutama mengenai masalah-masalah yang mungkin timbul kelak apabila kedua-dua konsep itu dilaksanakan. — Bernama.